



Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.: (4)04/C/P /656/2/Jil.2/2007

Bil. Kami / Our Ref.:

29 Mac 2007

HARI BERTEMU PELANGGAN
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN
Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan
Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya
Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &
3.00 ptg. - 4.00 ptg.

Pk (EL) MPOB 04/2007

Semua Pemegang Lesen Kategori Peniaga Minyak Sawit

Tuan

TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS KATEGORI PENIAGA MINYAK SAWIT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3. Satu majlis dialog telah diadakan bersama industri dan pemegang lesen kategori peniaga minyak sawit pada 5 September 2006 untuk membincangkan cadangan tambahan syarat lesen di mana pemegang lesen kategori minyak sawit dikehendaki mengguna dan mematuhi 'Kod Amali Bagi Pembungkusan Minyak Masak Berasaskan Olein Sawit'. Hasil daripada dialog tersebut, telah dipersetujui pemegang lesen diberi tempoh sehingga 31 Julai 2007 untuk menaiktaraf premis berlesen supaya mematuhi dan memenuhi kehendak kod amali terutamanya berkaitan infrastruktur premis berlesen tersebut.

4. Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-42 telah memutuskan untuk menambah syarat yang dikenakan ke atas lesen bagi aktiviti menyimpan minyak sawit. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2007** yang memperincikan syarat tambahan tersebut.

5. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat tambahan tersebut dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"

Yang benar,

DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling :Pk (EL) MPOB 04/2007
Tarikh Kuatkuasa : 01 OGOS 2007
Perkara : **TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS
KATEGORI PENIAGA MINYAK SAWIT (DL)**

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan syarat tambahan ke atas lesen kategori peniaga minyak sawit (DL) bagi aktiviti menyimpan minyak sawit.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pada 5 September 2006, satu majlis dialog telah diadakan bersama industri dan pemegang lesen kategori peniaga minyak sawit untuk membincangkan cadangan tambahan syarat lesen di mana pemegang lesen kategori peniaga minyak sawit dikehendaki mengguna dan mematuhi 'Kod Amali Bagi Pembungkusan Minyak Masak Berasaskan Olein Sawit'. Hasil daripada dialog tersebut, telah dipersetujui bahawa pemegang lesen diberi tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan Lembaga sebagai syarat lesen untuk menaiktaraf premis berlesen supaya mematuhi dan memenuhi kehendak kod amali terutamanya berkaitan infrastruktur premis berlesen tersebut.

2.2 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-42 telah memutuskan untuk menambah syarat yang dikenakan ke atas lesen bagi aktiviti menyimpan minyak sawit.

3.0 SYARAT LESEN KHUSUS

3.1 Pewartaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] pada 1 Januari 2006 telah memperincikan syarat am dan syarat-syarat bagi pemegang lesen dalam kategori peniaga minyak sawit iaitu bagi aktiviti membeli dan mengalih minyak sawit, menjual dan mengalih minyak sawit dan menyimpan minyak sawit, sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3.2 Syarat sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) bagi pemegang lesen dalam kategori peniaga minyak sawit iaitu bagi aktiviti menyimpan minyak sawit adalah masih terpakai dengan tambahan syarat sebagaimana yang telah dipersetujui dan ditetapkan dalam Mesyuarat Lembaga Kali Ke-42.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

3.3 Tambahan syarat lesen khusus adalah seperti berikut :

“ Pemegang lesen dikehendaki mengguna dan mematuhi Kod Amali Bagi Pembungkusan Minyak Masak Berasaskan Olein Sawit MPOB yang terkini atau apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Lembaga ”.

3.4 Kod Amali Bagi Pembungkusan Minyak Masak Berasaskan Olein Sawit adalah seperti di Lampiran I.

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2007 [Pk (EL) MPOB 04/2007] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori peniaga minyak sawit.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2007.

6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB

Tarikh: 29 Mac 2007

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>

**KOD AMALI
BAGI KATEGORI
PENIAGA MINYAK SAWIT
(PEMBUNGKUSAN MINYAK MASAK
BERASAKAN OLEIN SAWIT)**



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
Tel: 603-87694400 Faks: 603-89259446 Laman web: <http://mpob.gov.my>

**KOD AMALI
BAGI KATEGORI
PENIAGA MINYAK SAWIT
(PEMBUNGKUSAN MINYAK MASAK
BERASASKAN OLEIN SAWIT)**



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
Tel: 603-87694400 Faks: 603-89259446 Laman web: <http://mpob.gov.my>

© Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), 2007.

Hak cipta terpelihara. Penerbitan ini tidak dibenarkan dikeluarkan semula, disimpan dalam keadaan yang boleh dicetak semula atau dipindah dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis dari penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kod amali bagi kategori peniaga minyak sawit: (pembungkusan minyak sawit berasaskan olein sawit).

ISBN 978-967-961-129-8

1. Palm oil-Packaging 2. Palm oil-Marketing
633.851

ISBN 978-967-961-129-8

Diterbitkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada tahun 2007.

KANDUNGAN

	Muka Surat
Objektif	1
Skop dan Kegunaan	1
Tafsiran	1
Binaan Premis dan Kemudahan-Kemudahan	1
Kawalan Operasi	2
Penyelenggaraan Premis Termasuk Kawasan Operasi	5
Pengangkutan	6
Rujukan	7

PENAFIAN

Kod Amali Bagi Kategori Peniaga Minyak Sawit (Pembungkusan Minyak Masak Berasaskan Olein Sawit) bertujuan untuk memastikan minyak masak yang dibungkus terpelihara mutunya dan selamat dimakan. Walau bagaimanapun, MPOB tidak bertanggungjawab atas kehilangan, kerugian atau kerosakan disebabkan penggunaan mana-mana maklumat yang disediakan melalui kod amali ini.

Nota: Kandungan buku atau kod amali ini boleh berubah atau disemak semula atau dikemaskini pada bila-bila masa apabila diperlukan tanpa sebarang pengumuman atau pemberitahuan.

1. OBJEKTIF

Kod amali ini sebagai amalan kepada kategori peniaga minyak sawit berlesen yang terlibat dengan pembungkusan minyak masak yang berasaskan olein sawit.

2. SKOP DAN KEGUNAAN

Kod amali meliputi keperluan infrastruktur, penjagaan mutu dan kebersihan asas yang berkaitan dengan pembungkusan, pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan minyak masak berasaskan olein sawit.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Olein sawit ialah bahagian cecair yang diperoleh melalui proses pemeringkatan sama ada minyak sawit mentah yang ditapis, dinyah warna dan dinyahbau atau melalui pemeringkatan minyak sawit yang ditapis, dinyahbau dan dinyahwarnakan.
- 3.2 Minyak masak ialah minyak yang berasaskan olein sawit seperti ditafsirkan dalam perenggan 3.1 atau campuran di antara olein sawit dengan minyak sayuran lain untuk tujuan makanan.
- 3.3 Pembungkus minyak masak ialah seseorang yang menjalankan aktiviti membungkus minyak masak.
- 3.4 Pembungkusan ialah perbuatan atau proses membungkus minyak masak sama ada di dalam bekas plastik, tin, kertas, kaca atau pembungkus lain.

4. BINAAN PREMIS DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

- 4.1 Lokasi premis yang dilesenkan hendaklah terletak di luar kawasan yang diwartakan untuk kediaman dan tidak berhampiran dengan kawasan atau premis yang boleh mencemarkan mutu atau mengancam keselamatan makanan minyak masak berasaskan olein sawit yang dibungkus.
- 4.2 Binaan bangunan premis yang dilesenkan hendaklah teguh dan berkeadaan baik. Bangunan hendaklah mempunyai saiz, reka bentuk dan ruang mencukupi untuk menempatkan pejabat pentadbiran, stor, tangki, penyimpanan bahan yang tersusun, alat-alat dan jentera kilang.

- 4.3 Lantai di dalam kawasan operasi premis hendaklah diperbuat dari konkrit simen dan permukaannya diperbuat dari bahan lain yang mudah dicuci, tidak licin, kalis air, yang tahan haus dan kakisan. Lantai premis hendaklah sentiasa bersih, kering dan tidak berminyak.
- 4.4 Permukaan dinding di dalam kawasan operasi pembungkusan hendaklah mudah dibersihkan, sentiasa bersih serta berkeadaan baik dan digalakkan dilapisi dengan jubin.
- 4.5 Kawasan operasi pembungkusan digalakkan bersiling. Kelengkapan di bahagian atas kawasan operasi pembungkusan hendaklah mempunyai permukaan yang licin, mudah dibersihkan dan sentiasa bersih.
- 4.6 Pencahayaan dan pengudaraan di dalam kawasan atau ruang operasi pembungkusan hendaklah mencukupi.
- 4.7 Bangunan premis yang dilesenkan hendaklah sentiasa berkeadaan baik, bersih dan teratur serta bebas daripada sebarang jenis haiwan.
- 4.8 Bekalan air bersih hendaklah mencukupi dan selamat untuk kegunaan operasi pembungkusan termasuk berkaitan dengannya.
- 4.9 Kemudahan bagi sistem saliran kumbahan dan pembuangan sampah hendaklah disediakan dan mencukupi. Reka bentuk dan pembinaan kemudahan ini hendaklah dapat mengelakkan pencemaran.
- 4.10 Bangunan premis hendaklah mempunyai tanda keselamatan termasuk dilarang merokok.

5. KAWALAN OPERASI

- 5.1 Minyak masak termasuk penggunaan aditif hendaklah mematuhi Piawaian Malaysia yang ditetapkan dan kehendak-kehendak Perundangan Makanan.
- 5.2 Pembungkus atau bahan untuk membungkus minyak masak hendaklah:
 - a. tidak mengandungi sebarang bahan yang menyebabkan perubahan organoleptik pada minyak masak atau menyebabkan keracunan atau sebaliknya memberi kesan sampingan pada minyak masak apabila bersentuh dengannya dan bersesuaian bagi minyak masak ini di bawah keadaan penyimpanan dan kegunaan yang ditetapkan.

- b. bebas daripada pewarna, tidak menyerap, tiada perasa serta tidak berbau dan hendaklah menjamin minyak masak selamat daripada tercemar.
- c. menggunakan bekas baru, bersih dan suci. Penggunaan bekas yang dikitar semula adalah tidak dibenarkan.
- d. disimpan di tempat yang terlindung dari tercemar.
- e. direka bentuk supaya bahan untuk membungkus minyak masak dapat memberi perlindungan yang mencukupi kepada minyak masak bagi mengelakkan pencemaran atau menghalang atau mengelakkan berlaku kemerosotan mutu.
- f. mempunyai surat pengesahan atau pembuktian daripada pembekal bahan pembungkusan (contoh plastik) adalah jenis yang sesuai untuk membungkus bahan makanan atau gred makanan (*food grade*).

5.3 Pembungkus atau bahan pembungkus jenis plastik untuk membungkus minyak masak hendaklah menepati ciri-ciri dalam perenggan 5.2 dan termasuklah *polyethylene terephthalate* atau PET, *high density polyethylene* atau HDPE. Manakala bahan plastik yang tidak sesuai termasuk plastik yang mengandungi *polyvinyl chloride* (PVC) yang bercampur aloi logam, *low density polyethylene* (LDPE), *polypropylene*, *polystyrene* dan bahan lain yang boleh memudaratkan mutu atau mencemar minyak masak yang dibungkus.

5.4 Kawasan penerimaan atau tempat simpanan atau pembungkusan minyak masak hendaklah:

- a. sentiasa berada dalam keadaan baik, bersih, teratur dan dilindungi dari pencemaran dengan sebarang bendasing.
- b. dibezakan dan diasingkan dari bahan yang tidak boleh dimakan termasuk bahan pencuci dan sebagainya.
- c. diasingkan sepenuhnya dari tandas, bengkel atau bahagian premis yang tiada kaitan langsung dengan pengendalian pembungkusan.
- d. mempunyai tanda keselamatan seperti larangan merokok dan tanda keselamatan yang lain.

- 5.5 Tangki simpanan hendaklah:
- a. diperbuat daripada keluli tahan karat (*stainless steel*) atau keluli lembut (*mild steel*) yang dilapisi bahan bergred makanan yang lengai seperti epoksi.
 - b. mempunyai kapasiti tangki simpanan yang mencukupi .
 - c. dibersihkan jika minyak masak disimpan melebihi satu(1) bulan atau dibersihkan sekurang-kurangnya setahun sekali.
 - d. sebaik-baiknya reka bentuknya berbentuk silinder, menegak tinggi dengan keratan rentas bulat, berbumbung kekal dengan bahagian bawah tangki berbentuk kon ke bawah dengan saluran keluar .
- 5.6 Saluran pengendalian dan pembungkusan termasuk kemudahan berkaitan dengannya seperti saluran paip bagi tangki, alat pemasangan, injap, alat mengisi, *conveyer*, vesel pemegang dan pam hendaklah:
- a. diperbuat dari keluli tahan karat atau bahan yang lengai atau tidak bertindak balas dengan minyak masak yang dibungkus.
 - b. tidak mengandungi sebarang logam kuprum, plumbum atau aloi yang mengandungi kedua-dua logam tersebut.
 - c. ditempatkan di kawasan teduh dan terhindar dari pancaran matahari atau haba.
- 5.7 Semasa proses pembungkusan, pengendalian dan penyimpanan minyak masak, permukaan minyak dan pendedahan kepada udara hendaklah diminimumkan untuk mengelakkan pengoksidaan minyak .
- 5.8 Semua alat penutup, bekas atau pelapik atau alat lain yang bersentuhan dengan minyak masak apabila digunakan untuk menutup atau menyendat sebarang bekas hendaklah bersih dan baru. Sebelum penggunaannya, alat ini hendaklah disimpan di tempat bersih dan tidak terdedah kepada pencemaran.
- 5.9 Semua operasi penerimaan, pengendalian, pembungkusan dan penyimpanan minyak masak (yang belum dan telah dibungkus) hendaklah dijalankan dengan baik, teratur dan terhindar dari sebarang pencemaran oleh bahan atau bendasing pada setiap masa.

6. PENYELENGARAAN PREMIS TERMASUK KAWASAN OPERASI

- 6.1 Semua peralatan yang bersentuhan dengan minyak masak hendaklah diselenggarakan dengan baik dan sentiasa bersih.
- 6.2 Pelarut pembersih dan pelincir hendaklah digunakan dengan betul ke atas peralatan/mesin supaya tidak mencemarkan minyak masak.
- 6.3 Kawasan dalam dan luar premis termasuk sistem perparitan hendaklah sentiasa bersih.
- 6.4 Semua sistem rangkaian paip air dan pembuangan sisa cecair serta pemptungan hendaklah diselenggarakan dengan baik.
- 6.5 Kawasan pembungkusan perlu diletakkan tanda larangan merokok dan tanda keselamatan yang lain.
- 6.6 Sampah sarap atau sisa pepejal hendaklah:
 - a. dikumpulkan di dalam bekas khusus yang bertutup.
 - b. dikeluarkan dari premis yang terlibat dengan operasi penerimaan, pengendalian, pembungkusan dan penyimpanan minyak masak secara berjadual.
 - c. tidak boleh dibiarkan bermalam di premis tersebut.
- 6.7 Semua pekerja premis yang terlibat dengan aktiviti pembungkusan hendaklah:
 - a. sentiasa menjaga tahap kebersihan diri yang tinggi semasa menjalankan tugas termasuk larangan merokok di kawasan operasi, di mana sesuai hendaklah memakai apron yang bersih, pelindung kepala dan kasut.
 - b. menjauhi sebarang tindakan yang boleh menyebabkan pencemaran minyak masak atau merosotkan mutu minyak masak.
 - c. mencuci tangan sebelum menjalankan operasi pembungkusan.

7. PENGANGKUTAN

7.1 Minyak masak yang diangkut secara pukal hendaklah:

- a. diangkut dalam tangki lori keluli tahan karat atau aluminium atau keluli lembut yang disalut atau dilapis dengan bahan bergred makanan lengai.
- b. tidak bersentuhan dengan logam kuprum, plumbum atau aloi sama ada salah satu logam berkenaan atau kedua-duanya.
- c. dipastikan pembukaan termasuk penutup, tiub saluran, pam dan lain-lain bagi lori pengangkut hendaklah dilengkapi dengan bahan keselamatan yang berkesan.
- d. dipastikan kelengkapan dalaman lori pengangkut bersih, berkeadaan baik, licin boleh dibersihkan dan menghalang kemasukan serangga perosak atau makhluk perosak dan sebarang pencemaran.

7.2 Pengangkutan keluaran siap hendaklah mempunyai ruang pengasingan dari bahan bukan makanan secara berkesan semasa pengangkutan dan pengedaran dan terhindar dari sebarang pencemaran.

RUJUKAN

BAHAGIAN KAWALAN MUTU MAKANAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (1995). *Garis Panduan Bagi Pemprosesan dan Penapisan Minyak Makan Kelapa Sawit Palm Olein dan Palm Stearin.*

CODEX ALIMENTARIUS (2003). *Recommended International Code of Practice General Principles of Food Hygiene, CAC/RCP 1-1969 , Rev.4-2003.*

CODEX ALIMENTARIUS (2005). *Recommended International Code of Practice for Storage and Transport of Edible Fats and Oils in Bulk, CAC, RCP 36-1987 (Rev. 1-1999, Rev.2-2001 , Rev.3 -2005).*

DEPARTMENT OF STANDARDS MALAYSIA (1999). *Malaysian Standard MS 1480:1999, Food Safety According to Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) System.*

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (2002). *Garis Panduan Amalan Kebersihan yang Baik [Good Hygiene Practices (GHP)] untuk Industri Makanan Skala Kecil dan Sederhana (IKS) ke Arah Pelaksanaan HACCP (Hazard Analysis Critical Control Point).*

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (2001). *Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan, 1985.*

PORLA (1999). *Panduan Pembungkusan Minyak Masak Sawit.*